

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : EKO PELANCONGAN**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah dilakukan dalam usaha menaikkan kawasan Hulu Selangor sebagai kawasan eko pelancongan tahun ini?
- b) Nyatakan jumlah kos yang sudah digunakan untuk tujuan promosi pelancongan eko di Selangor terutamanya Hulu Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan yang telah dilakukan adalah seperti berikut:
  - i. Perlaksanaan Program Pemurnian Pelancong P3S Inap Dusun Dan Sukan Lasak
  - ii. Perlaksanaan Program Pelancongan ( Wings Of Kkb: Selangor International Birds Fair, Kayuhan King Of Mountain Kkb-Fraser, International Paragliding XC dan Hulu Selangor Ultra Trail)
  - iii. Siri Promosi pelancongan dalam negara dan luar negara (ITB Berlin, CAEXPO China, SIE Selangor dan Matta Fair
  - iv. FAM Trip bersama media, blogger dan agensi pelancongan)
- b) Jumlah kos adalah seperti berikut:
  - I. Siri Promosi dalam negara dan Luar negara RM 70,000.00
  - II. P3S -Bengkel Paragliding dan Hiking, Pelancaran) RM 40,000.00
  - III. Program peringkat antarabangsa ( RM 221,000.00)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : HALAL INTERNATIONAL SELANGOR (HIS)**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status program Halal International Selangor (his) di dalam dan luar negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, program – program Halal International Selangor yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;-
- i. Halal Technical Competent Person (HTCP)
- Program Halal International Selangor kini telah dilebarkan kepada penggunaan IR 4.0 bagi usahawan-usahawan yang ingin menceburi industri Halal. Ini adalah program lain yang diperkenalkan selain daripada program latihan Halal Technical Competent Person (HTCP).
  - Selain daripada itu juga, program HTCP dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor yang mensasarkan anak-anak Asnaf telah berjaya membuka peluang pekerjaan kepada mereka. Mereka terdiri daripada graduan-graduan Kejuruteraan, Syariah, Sijil Tinggi Agama, Bioteknologi, Teknologi Maklumat, Teknologi Makanan dan Persuratan Melayu.
  - Sebanyak 80% daripada anak-anak Asnaf ini berjaya mendapat kerja selepas menjalani program latihan HTCP selama dua bulan manakala baki 20% telah meneruskan pengajian mereka.
  - Bagi program-program di luar negara pula, latihan HTCP dalam pemahaman serta teknikal bagi industri halal diberikan kepada pemain industri di Vietnam dan Brunei. Ini adalah langkah pertama bagi menarik minat lebih ramai menceburi bidang halal ini.

Sumber : Halal International Selangor (Aspire Flagship Sdn. Bhd.)

ii. Certification Readiness Assessment (CRA)/ Penilaian Kesediaan Pensijilan Halal

- Certification Readiness Assessment (CRA)/ Penilaian Kesediaan Pensijilan Halal merupakan satu sistem dalam talian yang dibangunkan oleh Aspire Flagship Sdn. Bhd. melalui rundingan bersama SIRIM STS Sdn. Bhd. Sistem penilaian kendiri ini bertujuan untuk menjalankan analisis jurang (gap analysis) bagi membantu pemain industri terutamanya para usahawan yang berminat mendapatkan pensijilan halal.
- Sistem CRA merangkumi tiga sektor utama iaitu Makanan dan Minuman, Kosmetik dan Farmaseutikal. Setiap pengguna perlu menjawab set soalan berkaitan pematuhan halal, keselamatan dan aspek-aspek toyyiban (sebagai contoh, kebersihan dan amalan terbaik dalam industri). Setelah itu, satu laporan lengkap akan dikemukakan serta-merta sebagai satu rujukan atau penanda aras tahap kesediaan syarikat dalam mendapatkan pensijilan halal.
- Sistem Certificate Readiness Assesment (CRA) bukan sahaja mudah diakses malah berpatutan dan berupaya mengelakkan risiko kes-kes membabitkan konsultan halal yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap pengusaha dengan mengenakan caj yang terlalu tinggi dan tidak munasabah.
- Sehingga kini, program-program HIS telah menjangkau lebih daripada 1,000 peserta yang didedahkan kepada latihan Halal Technical Competent Person (HTCP) dan Certificate Readiness Assesment (CRA). Peserta-peserta ini terdiri daripada pemain industri, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi, penguatkuasa serta jurulatih-jurulatih kursus.
- Daripada jumlah ini, sebanyak 50% adalah pemain industri, 35% adalah pelajar-pelajar selebihnya adalah penguatkuasa dan jurulatih kursus. Mereka telah dilatih bagi meningkatkan pemahaman industri halal serta juga menekankan kemahiran teknikal dalam bidang yang berkaitan seperti makanan dan minuman, farmaseutikal, pengauditan dan sebagainya.

iii. Manakala, latihan bagi penguatkuasa Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Halal Ehwal Pengguna dapat membantu pengawai-pegawai melakukan pengguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 bagi perakuan dan penandaan halal. Kesemua pegawai yang hadir adalah mewakili cawangan-cawangan negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : JUMLAH PENGANGGUR DI DAERAH-DAERAH NEGERI SELANGOR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penganggur mengikut statistik terkini ( jika ada )?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, jumlah penganggur di Selangor ialah 2.8 peratus pada tahun 2018. Jumlah penganggur mengikut strata di Selangor pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Jumlah penganggur mengikut strata di Selangor 2017 dan 2018

Strata	2017	2018
Selangor	98.1	99.6
Bandar	93.2	94.9
Luar Bandar	4.9	4.7

Sumber : Survey Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

### **Maklumat Tambahan**

1. Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survey Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan.
2. STB merupakan kejian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Kajian ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu International Labour Organization (ILO) yang digunakan oleh kebanyakkan negara.
3. Menganggur merujuk kepada mereka yang berada dalam tenaga buruh yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari kerja dalam minggu rujukan.
4. Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk dalam tenaga buruh.
5. Statistik pengangguran di peringkat terkecil yang diterbitkan adalah di peringkat bandar dan luar bandar mengikut negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N52 BANTING)**

**TAJUK : SSDU DAN KAWALAN PENCEMARAN**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) dalam mengesan dan membendung pencemaran air sungai dan pencemaran udara, khususnya yang berpunca daripada pembakaran terbuka? Senaraikan teknologi yang telah diguna dan kos yang terlibat untuk tujuan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pada ketika ini, SSDU mempunyai keupayaan untuk mengesan perubahan kualiti udara PM 2.5 secara masa benar (*real-time*) menerusi pemasangan sensor Indeks Kualiti Udara (AQI) di mana 49 lokasi telah dipasang di seluruh Negeri Selangor. Sehingga kini, inisiatif pemantauan kualiti udara ini melibatkan kos sebanyak RM 395,000 yang meliputi pembelian sensor, langganan perkhidmatan data, petauliah kontraktor untuk pemasangan dan penyelenggaraan sensor serta pembinaan *on-line* portal.

Untuk pemantauan pencemaran air sungai, SSDU telah memasang satu (1) unit sensor kualiti air di Sungai Klang yang dioperasikan oleh Landasan Lumayan Sdn Bhd. Projek pemasangan dan pemantauan kualiti air sungai secara masa benar (*real-time*) ini melibatkan kos sebanyak RM100,000.00 yang meliputi pemasangan sensor, rangkaian internet, kamera CCTV berasaskan solar dan pembinaan platform. Sensor ini berupaya merekodkan bacaan-bacaan untuk enam (6) parameter yang boleh digunakan untuk menentukan Indeks Kualiti Air (WQI).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PEMERKASAAN USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan kecil dan sederhana untuk meluaskan pasaran produk di peringkat nasional dan antarabangsa?
  - b) Bagaimanakah usahawan boleh dibantu dalam bentuk penambahan pengetahuan dan kemahiran?
  - c) Apa langkah kerajaan bagi merapatkan jurang pencapaian antara setiap usahawan?

**JAWAPAN:**

- a) Antara langkah – langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan kecil dan sederhana untuk meluaskan pasaran produk ke peringkat nasional dan antarabangsa seperti berikut;–
  - i. **Bantuan dalam mengembangkan pasaran produk IKS** - Dalam usaha membantu syarikat IKS di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menyediakan medium atau platform yang boleh membantu usahawan – usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan pasaran ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan – usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan luar negara seperti program Selangor International Business Summit, Penang International Halal Expo 2019, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2019, The world Food & Beverage Great EXPO / Premium Food Show 2019 Japan, HOFEX Hong Kong 2019, SIAL Jakarta 2019 dan lain – lain dimana sebahagian kos penyertaan ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan dan IKS Negeri Selangor.

Disamping penyertaan dalam pameran yang diadakan, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga turut membantu pihak syarikat untuk mengadakan pertemuan “*Business Matching*” bersama “*Potential Buyers*” sewaktu penyertaan di dalam program – program pameran di peringkat antarabangsa.

- ii. **Bantuan Pemasaran Produk Secara Atas Talian (Online)** – melalui program ini, Kerajaan Negeri melalui SITEC menyediakan latihan kemahiran kepada usahawan – usahawan IKS yang berminat untuk memasarkan produk keluaran mereka secara atas talian (online).
- iii. **Program Pembungkusan Produk Made In Selangor (MIS)**  
Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah dana setiap tahun bagi memperkasakan dan melahirkan usahawan berjaya di dalam Negeri Selangor. Program sebegini adalah usaha untuk memberi *value added* kepada produk tempatan agar dapat meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke pasaran antarabangsa (*market penetration and expansion*). Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri mengadakan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor (MIS)* kepada usahawan yang sudah bersedia untuk mempertingkatan kualiti pembungkusan dan pensijilan produk. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, rekabentuk jenama, pendaftaran jenama (*MyIPO*) dan cetakan pembungkusan yang diperbaharui.

- b) Antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran adalah;-

i. **Program kemahiran dan latihan secara atas talian (online);**

Kerajaan Negeri melalui Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC, para usahawan diberi latihan dan kemahiran dari segi pemasaran produk secara atas talian (online). Melalui SITEC, usahawan diberi latihan dan pendedahan mengikuti modul-modul yang telah ditetapkan seperti asas perniagaan online, pengurusan produk, pemasaran secara digital dan perkara - perkara lain yang penting dalam perniagaan secara atas talian. Jurulatih yang akan mengendalikan kelas pula adalah dari kalangan pakar daripada industri.

(Sumber : Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC)

ii. **Program – program pemantapan pengetahuan dan kemahiran;**

Setiap tahun Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan ada menyediakan pelbagai jenis kursus untuk usahawan. Tawaran kursus ini adalah terbuka kepada semua usahawan di Negeri Selangor. Setiap sesi kursus akan di tawarkan kepada 50-100 usahawan sahaja. Tawaran tempat adalah terhad mengikut kesesuaian usahawan dan jenis kursus yang ditawarkan dan bagi memastikan keberkesanan impak kursus kepada peserta. Berikut merupakan jenis kursus yang ditawarkan kepada usahawan bagi tahun 2019:

<b>Bil</b>	<b>Nama kursus/seminar</b>	<b>Peserta</b>	<b>Catatan</b>
1.	<i>Bengkel Facebook Beginner &amp; Teknik Asas Fotografi – Smartphone Untuk Pemasaran</i>	50 orang	<i>Telah laksana</i>
2.	<i>Seminar Peningkatan Jualan Melalui Online “Revolusi Perniagaan Internet”</i>	50 orang	<i>Telah laksana</i>
3.	<i>Bengkel Advance Smartphone Photo And Videography Editing</i>	50 orang	<i>Telah laksana</i>
4.	<i>Kursus Advance Facebook Marketing – Targeting Strategies</i>	50 orang	<i>Telah laksana</i>
5.	<i>Kursus (Insken)- Melonjakkan Jualan Dengan Pengesahan Pasaran Yang Berkesan - Product And Market Validation</i>	30 orang	<i>Telah laksana</i>
6.	<i>Kursus Pengurusan Perniagaan Dan Kewangan Kepada Peniaga Kecil &amp; Sederhana</i>	60 orang	<i>Telah laksana</i>
7.	<i>Taklimat Elakkan Disenaraihitam</i>	80 orang	<i>Telah laksana</i>

(Sumber : Seksyen Pembangunan Usahawan, UPEN)

- c) Dalam usaha merapatkan jurang pencapaian antara usahawan, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sentiasa memberikan bantuan khidmat nasihat serta bantuan lain yang diperlukan kepada pihak usahawan bagi penambahbaikan produk keluaran mereka agar produk yang dikeluarkan dapat menembusi pasaran sama ada dalam dan luar Negara.

Selain itu, pihak Invest Selangor menyediakan platform seperti penyertaan dalam pameran dalam dan luar Negara serta secara atas talian kepada pihak usahawan untuk mempromosikan dan memasarkan produk keluaran mereka ke peringkat global.

Dari segi bantuan modal bagi pembesaran dan pengembangan perniagaan pula, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah mengadakan kolaborasi dengan Association of Islamic Banking Institution Malaysia (AIBIM) untuk menyediakan bantuan kewangan bagi pembesaran dan pengembangan operasi syarikat. Kolaborasi diantara pihak Invest Selangor bersama pihak AIBIM telah dimeterai dengan satu Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dimetrai pada program MIHAS 2019 baru-baru ini. Memorandum persefahaman ini adalah merupakan ***usaha oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan-usahawan bagi mendapatkan sumber kewangan berbentuk pinjaman daripada 26 buah institusi perbankan islam yang bernaung di bawah AIBIM***. Satu program perintis yang dinamakan sebagai “Program Transformasi Kewangan Hijrah Selangor” telah berlangsung dengan jayanya. Seramai 100 orang usahawan yang telah dipilih daripada program Hljrah Selangor untuk dilatih serta berpeluang bagi mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan Islam di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan dapat mempertimbangkan bahawa penjaga boleh terdiri daripada JIRAN?
- b) Bagaimanakah kerajaan dapat bantu untuk mendaftarkan rakyat yang tiada anak, saudara dan pertubuhan?

**JAWAPAN:**

a) Kategori penjaga yang layak dan dibenarkan untuk permohonan SMUE adalah seperti berikut:

- i. Anak
- ii. Isteri
- iii. Suami
- iv. Ibubapa
- v. Cucu
- vi. Abang
- vii. Kakak
- viii. Adik
- ix. Menantu
- x. Pertubuhan

Keutamaan untuk kategori penjaga diberikan kepada waris terdekat.

Walaubagaimanapun, sekiranya tiada waris atau mana-mana kategori penjaga seperti yang dinyatakan di atas, maka pemohon dibenarkan untuk memilih orang lain yang terdekat untuk dinamakan sebagai penjaga dalam permohonan SMUE mereka.

Pemilihan kategori penjaga selain daripada nama-nama yang dinyatakan di atas hendaklah disertakan dengan surat akuan bersumpah daripada pemohon yang menyatakan pemohon itu tiada waris dan membenarkan individu lain untuk menjadi penjaga kepada mereka khusus bagi permohonan SMUE.

- b) Buat masa ini, permohonan SMUE boleh dibuat di semua pejabat Pusat Khidmat DUN di Negeri Selangor.

Sekiranya pemohon benar-benar tiada waris terdekat untuk dijadikan sebagai penjaga, maka pemohon dibenarkan untuk menamakan orang lain yang tiada sebarang ikatan keluarga dikategorikan sebagai penjaga mereka di dalam borang permohonan SMUE.

Pemohon dikehendaki menyediakan surat akuan bersumpah yang menyatakan mereka tiada waris dan memberikan kebenaran kepada individu lain sebagai penjaga mereka bagi melayakkan pemohon menerima manfaat ini Jom Shopping SMUE ini.

Salinan asal surat akuan bersumpah tersebut hendaklah dilampirkan bersama borang permohonan dan disahkan oleh Pusat Khidmat DUN sebelum dihantar ke pejabat YAWAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : KEMAHIRAN ADVOKASI PWB**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sejak 2018, berapa program advokasi dan perundangan dan pengetahuan hak wanita diadakan di peringkat PWB untuk semua DUN?
  - Berapa peserta telah dilatih sehingga September 2019?
  - Apa rancangan oleh Standco Wanita untuk menambahbaik lagi program ini?

**JAWAPAN:**

- Bermula September 2018, Modul Wanita dan Perundangan diperkenalkan sebagai salah satu komponen di dalam Program Pembangunan Kapasiti yang juga terkandung di dalamnya Modul Kefahaman Gender, Pendemokrasian Hak Rakyat, Kesihatan Wanita dan Keluarga. Daripada jumlah keseluruhan **923 program-program Pusat Wanita Berdaya** yang telah dijalankan di seluruh Selangor sejak Januari hingga September 2019, **289 adalah program-program Pembangunan Kapasiti**. Daripada jumlah ini, **46 program adalah daripada Modul Wanita & Perundangan**.
- Sehingga September 2019, **sejumlah 37,612 orang peserta** telah dilatih di bawah Program-program Pusat Wanita Berdaya yang merangkumi kedua-dua Modul Program Kemahiran dan Pembangunan Kapasiti. Daripada keseluruhan jumlah ini, **seramai 1,694 orang peserta adalah daripada Program Wanita dan Perundangan**.
- Pihak Pengurusan PWB sentiasa memantau secara dekat pelaksanaan program-program yang dijalankan oleh PWB DUN terutama program-program pembangunan kapasiti ini. Buat masa ini, Pengurusan PWB sedang dalam **proses menyemak semula kandungan modul-modul** yang berkenaan dalam memastikan ianya sentiasa relevan dan efisyen untuk para peserta.

Di samping itu, sebagai kelangsungan Modul Pembangunan Kapasiti ini, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga juga telah melaksanakan program **Akademi Kepimpinan Wanita Selangor** yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 19 September yang lalu. Kesemua **100 peserta yang terpilih (batch pertama) untuk program ini adalah dari kalangan para peserta** yang telah dilatih di dalam program-program pembinaan kapasiti PWB seluruh Selangor.

Akademi Kepimpinan Wanita ini bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan pemimpin wanita di peringkat komuniti, bahkan juga untuk memastikan lebih ramai wanita yang mampu untuk menjadi advokator-advokator di peringkat akar umbi supaya usaha advokasi dan pemberdayaan wanita dapat dibuat dengan lebih menyeluruh.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Akademi Kepimpinan Wanita ini memberi tumpuan kepada empat (4) bidang kemahiran dan kecekapan iaitu :

- i. **Kemahiran Organisasi** (Pengurusan Modal Insan, Pengurusan Strategik dan Pengurusan Kewangan);
- ii. **Kepimpinan Politik** (Undang-undang wanita, Negara dan Antarabangsa, Sejarah dan Teori Politik, Sistem dan Teori Ekonomi);
- iii. **Kemahiran Insaniah** (Kemahiran Pengucapan Awam, Imej dan Ketramplilan Diri, Komunikasi Berkesan dan Komunikasi Media); dan
- iv. **Kefahaman Gender** (Pengarusperdanaan Gender, *Gender Responsive Budgetting*, Audit Gender).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : JALAN PINTAS HULU CHUCHOH KE KLIA**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah status terkini projek jalan pintas KLIA2 ke Sungai Pelek yang mana laluan cadangan melalui tanah MAB ?
  - Apakah pihak Kerajaan Negeri melalui MB Incorporated atau syarikat swasta lain yang berminat untuk menaik taraf jalan tersebut melalui projek CSR?

**JAWAPAN:**

- a) Projek yang dimaksudkan adalah projek Jalan Pintasan Menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Kampung Ulu Chuchuh, Mukim Sepang.

Projek ini telah diangkat kepada Bahagian Pengurusan Projek Luar Bandar, Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 3 September 2019 untuk dilaksanakan dalam RMKe-12.

- b) Setiap permohonan akan diteliti dan dipertimbangkan untuk diproses mengikut garispanduan dan skop yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : BAZAAR DARUL EHSAN**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bazar Darul Ehsan di jalan Kanchong Darat telah lama terbiar dan banyak kerosakan di dalam dan di luar bangunan. Apakah tindakan atau perancangan EXCO usahawan berkaitan bangunan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, pembinaan Bazar Darul Ehsan ini telah mengalami beberapa masalah sewaktu pembinaannya yang bermula pada 29 September 2011 dimana terdapat sebanyak dua (2) kali pertukaran kontraktor dalam proses pembinaannya. Setelah melalui beberapa proses yang telah dikendalikan oleh Pejabat Daerah Kuala Langat dan UPEN, Bazar Darul Ehsan ini siap dibina pada 18 Disember 2012.

Setelah bazar ini siap dibina, ianya telah dinaiktaraf kerana terdapat penambahan dari segi kemudahan perkakasan. Namun, setelah siap dibina dan dinaiktaraf, Bazar Darul Ehsan ini tidak langsung beroperasi.

Setelah melalui beberapa perbincangan, Bazar Darul Ehsan ini telah diletakkan di bawah seliaan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita pada April 2016 untuk penggunaan Pusat Wanita Berdaya (PWB) Shoppe. Namun ianya tidak juga berjalan seperti yang dirancang dan bazar ini telah diserahkan kepada Hijrah Selangor pada November 2017 bagi menguruskan premis ini. Setelah penyerahan kepada Hijrah Selangor selesai, pihak Hijrah Selangor telah membuat penilaian dan memohon untuk dinaiktaraf sekali lagi Bazar Darul Ehsan ini dengan anggaran kos adalah sebanyak RM500,000.00. Ianya perlu kerana premis ini tidak pernah digunakan sejak selesai pembinaannya pada tahun 2012.

Berdasarkan permohonan daripada Hijrah tersebut, satu mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB Hajah Rodziah Ismail iaitu selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah dijalankan pada 3 Oktober 2018 yang membincangkan hala tuju Bazar Darul Ehsan tersebut yang melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dan juga Pejabat Darah Kuala Langat.

Penilaian telah dibuat oleh JKR Selangor yang mana premis tersebut perlu dipulihkan semula dan perlu diuruskan dengan baik agar tidak terbiar begitu sahaja.

Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan mengaturkan satu mesyuarat khas untuk membincangkan alternatif dan solusi terbaik bagi membangunkan semula Bazar Darul Ehsan agar dapat merancakkan lagi pembangunan ekonomi di dalam Daerah Kuala Langat. Mesyuarat tersebut akan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Perbandaran Kuala Langat, bersama Jabatan lain yang berkaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kuala Langat serta Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TAPAK WARISAN**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tapak warisan yang telah diwartakan di Negeri Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah inisiatif dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam usaha pemuliharaan dan promosi pelancongan tapak warisan yang terdapat di negeri ini?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat 19 tapak warisan yang telah diwartakan di Negeri Selangor. Ia nya terbahagi kepada dua kategori iaitu Warisan Kebangsaan dan juga Warisan . Untuk keterangan lanjut, disertakan Senarai inventori tapak yang telah diwartakan di Negeri Selangor mengikut Daerah.

**SENARAI INVENTORI TAPAK WARISAN (BANGUNAN/ MONUMEN) NEGERI  
SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL	NAMA BANGUNAN	DAERAH	MUKIM	NO.&TARIKH WARTA	STATUS
1.	Pejabat Daerah Lama Kuala Langat, Kuala Langat	Kuala Langat	Jugra	P.U. (A) 492 / 19/12/2002	
2.	Penjara Lama Jugra, Kuala Langat	Kuala Langat	Jugra	P.U. (A) 492 / 19/12/2002	
3.	Masjid Alauddin, Kuala Langat	Kuala Langat	Bandar	P.U. (A) 212 / 24/7/1980 & P.U. (B) 185/ 14/4/1983	

4.	Istana Alauddin / Istana Bandar, Kuala Langat, Banting	Kuala Langat	Bandar	P.U. (A) 212 / 24/7/1980 & P.U. (B) 185 / 14/4/1983	
5.	Makam Diraja Jugra	Kuala Langat	Jugra	P.U. (A) 492/19/12/2002	
6.	Setor Peluru, Kuala Langat	Kuala Langat	Jugra	P.U. (A) 492 / 19/12/2002	
7.	Bangunan Sultan Suleiman (Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz), Jalan Dato' Hamzah	Klang	Klang		Tiada No. warta WK kerana dalam proses Pewartaan (Perundingan )
8.	Masjid Diraja Sultan Suleiman, Jalan Kota Raja, Klang	Klang	Bandar Klang		Tiada No warta WK kerana dalam proses Pewartaan (Perundingan)
9.	Sekolah Convent, Jalan Tengku Kelana, Klang	Klang	Klang	P.U. (B) 90 / 29/3/2012	
10.	Gedong Raja Abdullah, Jalan Gedong Raja Abdullah, Klang	Klang	Klang	P.U. (A) 56 / 4/3/1982 & P.U. (B) 185 / 14/4/1983	
11.	Kota Raja Mahadi, Klang	Klang	Klang	P.U. (A) 285 / 9/10/1980 & P.U. (B) 185 / 14/4/1983	
12.	Kota Tanjung Keramat, Kuala Selangor	Kuala Selangor	Kuala Selangor	P.U. (A) 266 / 8/9/1977 & P.U. (B) 322 / 28/6/1979	

13.	Bukit Raja	Kuala Selangor	Kuala Selangor	P.U. (A) 428 / 14/10/1999	
14.	Kota Malawati, Bukit Melawati, Kuala Selangor	Kuala Selangor	Kuala Selangor	P.U. (A) 266 / 8/9/1977 & P.U. (B) 322 / 28/6/1979	
15.	Ibu Empangan Sungai Tengi	Kuala Selangor	Tanjung Karang	P.U. (A) 428 / 14/10/1999	
16.	Balai Polis Trafik Kuala Kubu Bharu (asal gereja)	Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	PU. (B) 275 / 10/07/2015	
17.	Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Al-Hidayah), Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor	Hulu Selangor	Ampang Pecah	P.U. (B) 299 / 21/9/2012	
18.	Makam Saiyid Mashor bin Mohammad Ash-Shahab	Hulu Selangor	Kerling	P.U. (A) 261 / 11/9/1980 & P.U. (B) 185 / 14/4/1983	
19.	Kuil Sri Subramaniar Swamy, Jalan Batu Caves	Gombak	Batu Caves		Tiada No warta WK kerana dalam proses Pewartaan (Perundingan)

**PETUNJUK:-**

STATUS WARISAN	JUMLAH
Warisan Kebangsaan	5
Warisan	14
Jumlah Keseluruhan	19

- b) Kerajaan negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah pun mengambil langkah proaktif dengan menaik taraf tapak dan bangunan warisan di seluruh negeri Selangor. Kajian juga sedang dijalankan untuk mewartakan tapak dan bangunan yang mempunyai nilai sejarah.

Kerja-kerja menaiktaraf telah dilaksanakan ke atas beberapa tapak dan bangunan yang telah diwartakan diantaranya Gedung Raja Abdullah di Klang, Bukit Malawati Kuala Selangor dan Istana Bandar Kuala Langat,

Terkini, PADAT sedang dalam tindakan melindungi tapak-tapak warisan melalui program pewartaan peringkat negeri bagi tapak-tapak yang terdapat di negeri Selangor. Antaranya ialah Pekan Batu Arang di Daerah Gombak yang mempunyai kepentingan sejarah perlombongan arang batu, Bandar Diraja Klang yang mempunyai kepentingan sejarah sebagai Bandar Diraja. Tapak lombong dan kapal "Seri Banting" yang mempunyai sejarah perlombongan di negeri Selangor. Kawasan lain ialah kawasan Kuala Kubu Lama dan Bharu serta Pekan Kuala Selangor lama.

Selain itu, bagi menghidupkan tapak-tapak warisan ini, PADAT akan melaksanakan program di Bukit Malawati Kuala Selangor dengan program-program diantaranya ialah larian tangga 100 Bukit Malawati Kuala Selangor pada setiap tahun bagi merebut Piala Raja Muda Selangor. Membangunkan bangunan-bangunan lama untuk dijadikan homestay, penubuhan Muzium Monyet dan mengadakan pertunjukan kebudayaan disetiap hujung minggu.

Tujuan utama pelestarian kawasan-kawasan ini adalah bagi mengekalkan bukti-bukti sejarah dan seterusnya membantu membangunkan industri pelangongan melalui program pelancongan warisan. PADAT juga akan memastikan semua daerah di negeri Selangor mempunyai tinggalan warisan yang boleh dijadikan sebagai destinasi pelancong.

Antara usaha yang dijalankan dengan kerjasama Tourism Selangor dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi mempromosikan tapak warisan yang menjadi produk pelancongan di Negeri Selangor adalah seperti yang berikut:-

- i) Pelancaran Pakej Pelancongan "Selangor Royal Trail Package" oleh Tourism Selangor. Selangor Royal Heritage Trail memfokuskan kepada kekayaan sejarah dan warisan diraja negeri Selangor, merentasi tiga daerah iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat dan Klang.

- ii) Penganjuran Program “Royal Klang Heritage Walk” kerjasama dengan pihak Majlis Pembandaran Klang, yang merupakan program lawatan berjalan berpandu yang dijalankan pada setiap hari Sabtu dan Ahad secara percuma. Program ini mempromosikan lebih 13 bangunan bersejarah dan tapak warisan yang ada di sekitar bandar Klang. Program ini juga telah ditambah baik menggunakan perisian aplikasi telefon pintar, dimana para pengunjung boleh menggunakan perisian ini untuk melawat ke tapak warisan tersebut.
- iii) Penganjuran Program “Kajang Heritage Walk” kerjasama dengan pihak Majlis Pembandaran Kajang dan Kajang Heritage Centre, yang merupakan program lawatan berjalan berpandu yang dijalankan pada setiap hari Sabtu. Program ini mempromosikan lebih 10 bangunan bersejarah dan tapak warisan yang ada di sekitar bandar Kajang.
- iv) Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Berkuastra Tempatan (PBT), penggiat industri pelancongan serta produk-produk pelancongan di Negeri Selangor bekerjasama erat untuk menganjurkan sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan untuk meningkatkan penjualan pakej pelancongan warisan dan budaya untuk para pelancong dan agensi media tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan publisiti ke peringkat global mengikut jadual.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI-SUNGAI DI NEGERI SELANGOR**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan sungai-sungai yang mengalami pencemaran di Negeri Selangor?
- b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk memulihkan sungai-sungai tersebut yang telah mengalami pencemaran?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan indeks kualiti air, secara keseluruhannya, kualiti air di lembangan-lembangan sungai utama masih berada di dalam keadaan baik iaitu pada Kelas II dan III. Berikut adalah status kualiti air sungai-sungai utama di Selangor berdasarkan pemantauan kualiti air di Loji Pembersihan Air (LPA) oleh Air Selangor Sdn Bhd sehingga Julai 2019 :

NAMA SUNGAI	NAMA LPA	INDEKS KUALITI AIR (IKA)	KELAS
Sungai Selangor	Rasa	90.9	II
	Rantau Panjang	79.0	II
	SSP1	75.2	III
	SSP2	82.2	II
	SSP3	80.8	II
Sungai Bernam	Bernam River Headworks (BRH)	86.9	II
	Sungai Selisek	88.0	II
Sungai Langat	Sungai Langat	85.7	II
	Cheras Batu 11	75.0	III
	Bukit Tampoi	68.4	III
Sungai Semenyih	Sungai Semenyih	74.6	III

Berdasarkan bacaan IKA di LPA-LPA ini, berikut adalah purata kelas sungai-sungai utama :

- i. Sungai Selangor : 81.6 (Kelas II)
- ii. Sungai Bernam : 87.5 (Kelas II)
- iii. Sungai Langat : 76.4 (Kelas III)
- iv. Sungai Semenyih : 74.6 (Kelas III)

# Status kualiti air sungai juga boleh dirujuk berdasarkan bacaan IKA di bawah Program Pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor.

# Rujukan Kelas Sungai adalah seperti di LAMPIRAN.

- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tадahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepada dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

### **Maklumat tambahan**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**LAMPIRAN****KELAS SUNGAI**

<b>KELAS</b>	<b>IKA</b>	<b>KLASIFIKASI / KEGUNAAN AIR</b>
I	> 92.7	Sangat Baik. Sumber Air I : Tidak memerlukan sebarang rawatan. Perikanan I : Untuk spesis akuatik yang sangat sensitif.
II	76.5 - 92.7	Baik. Sumber Air II : Air memerlukan rawatan konvensional. Perikanan II : Untuk spesis akuatik yang sensitif.
III	51.9 - 76.5	Sederhana. Sumber Air III : Air memerlukan rawatan intensif. Perikanan III : Umum, aktiviti nilai ekonomi, penternakan haiwan.
IV	31.0 - 51.9	Tercemar. Sesuai untuk pengairan.
V	<31.0	Sangat Tercemar. Air tidak sesuai untuk sebarang aktiviti di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : ANAK MUDA LUAR BANDAR**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kelompok anak muda luar bandar tidak tersisih dari pembangunan yang dilaksanakan?
- b) Apakah kaedah yang dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi mengekang penghijrahan anak muda luar bandar ke bandar?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam usaha untuk menambah baik usaha pembangunan anak muda di Negeri Selangor. Ini penting dalam mengambil kira populasi belia yang merangkumi separuh daripada rakyat Negeri Selangor berjumlah 6 juta.

Umur	2018	2019
15-30	1,601,700 orang	1,558,400 orang
15-40	3,118,700 orang	2,953,900 orang

*Sumber: Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES)*

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda. Ini termasuklah dalam meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan belia di kawasan luar bandar berikutan taraf hidup yang semakin meningkat. Pembangunan belia perlu juga dititikberatkan terutamanya dari segi pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan pembangunan Negeri yang mampan. Ini mengambil kira populasi belia yang merangkumi separuh daripada rakyat negeri Selangor berjumlah 6 juta.

Untuk rekod, kadar pengangguran di Selangor yang dicatatkan adalah seperti berikut:-

- i. 2016 (3.2%)
- ii. 2017 (2.8%)
- iii. 2018 (2.8%)

*Sumber: Jabatan Statistik Malaysia*

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri meletakkan sasaran bagi tahun 2019 adalah kadar pengangguran di Selangor menurun kepada 2.5%.

Walhasil, Kerajaan Negeri mengalu-alukan jika program-program seperti *jobfair*/kursus dan latihan kemahiran dapat dianjurkan dalam skala kecil di lokaliti terpilih demi membantu belia-belia di kawasan luar bandar.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan pelbagai program pembangunan ekonomi belia sebagaimana berikut:-

**i. Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program Karnival Kerjaya (*Job Fair*) secara berkala (2 kali setahun). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Jobs Malaysia bermula pada tahun 2014.

Program Selangor Mega *Job Fair* pada awal tahun 2019 adalah program berskala mega yang julung kali dianjurkan. Ia melibatkan sebanyak 180 syarikat swasta terpilih yang mengadakan temuduga terbuka (*walk in interview*). Sebanyak 180 majikan dan 20 Agensi /Jabatan Kerajaan terlibat. Daripada jumlah itu, lebih 12,000 peluang telah ditawarkan termasuklah 20 majikan yang turut menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari tersebut.

Hampir 20,000 pengunjung mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan pada hari tersebut ialah seramai 237 orang dan seramai 3,482 orang pemohon telah berjaya menghadiri temuduga ke 2. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana seramai 15,623 orang telah berjaya untuk ditemuduga. Daripada jumlah calon yang telah ditemuduga tersebut, seramai 4,790 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Ia turut membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing.

## **ii. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan**

Program latihan ini turut menekankan konsep *hands holding* di mana setiap langkah dalam dunia usahawan akan diberikan panduan teliti. Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan beberapa usahawan muda berjaya.

## **iii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan untuk belia yang kurang berkemampuan namun ingin meneruskan pembelajaran walaupun tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional yang dibiayai berdasarkan kelayakan pemohon.

## **iv. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (*Online*)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
  - *Mobile Service Aircond*
  - Cuci Kasut
  - *Mobile Barber*
  - Ayam Gunting
  - Terapi Bekam
  - Bakeri
  - *Mobile Spa*
  - Dekorasi Pelamin
  - Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori peserta iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Daripada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi untuk julat pendapatan antara RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

v. **Lain-lain Program di bawah agensi**

a) **Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)**

• **Program Perintis Usahawan (PPU)**

Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (dulu dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terlibat sejak dimulakan pada tahun 2007.

• **Program Tunas Niaga (PROTUNe)**

Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNe) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).

• **Program Usahawan Siswazah (GROW)**

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus kepada latihan dan pembudayaan yang mensasarkan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- ii. Universiti Putra Malaysia (UPM);
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iv. Universiti Industri Selangor (UNiSEL);
- v. INSPENS International College;
- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS);
- vii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
- viii. City University (City U)

**b) Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani**

Kerajaan Negari telah melaksanakan pelbagai Program untuk Generasi Muda yang berminat menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut :-

- a) Program Agro Muda Selangor (AMSEL);
- b) Program Bantuan Peralatan Pertanian;
- c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda; dan
- d) Pembukaan Tanah Pertanian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPANS)**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PIPANS dihasilkan bagi mengatasi masalah trafik di kawasan awam. Walaubagaimanapun, perlaksanaannya bergantung pada ketersediaan dana. Apakah Kerajaan Negeri akan kaji semula sekiranya pelan tersebut sudah dirangka bertahun-tahun dan terdapat kemungkinan penemuan di dalam tidak bersetujuan lagi?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) sebagai dokumen asas kepada semua agensi Kerajaan dan swasta di Negeri Selangor dalam perancangan menyeluruh ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif. Inisiatif Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kajian PIPANS adalah bagi memberikan lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor.

Penyediaan PIPANS turut mengenalpasti sistem pengangkutan awam menggunakan landasan yang terdiri daripada 12 cadangan koridor laluan pengangkutan awam yang mempunyai laluan paling optimum untuk Negeri Selangor yang secara tidak langsung dapat mengatasi masalah trafik di kawasan awam.. Namun begitu, perlaksanaannya memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak terutama agensi pelaksana pengangkutan berkaitan khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telahpun menyenaraikan cadangan 12 koridor tersebut di dalam Rancangan Malaysia ke-12 semasa Sesi Libat Urus bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang diadakan pada 9 Ogos 2019 untuk dipertimbangkan. Namun, sekiranya terdapat kemungkinan pelan ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mahupun tidak lagi bersetujuan pada masa akan datang, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk melihat semula dan memperbaiki pelan sedia ada berdasarkan situasi dan pembangunan semasa.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Anggaran Kos bagi 12 koridor yang dikenalpasti : RM64.8 billion (anggaran pada tahun kajian dijalankan)

12 Koridor yang dikenalpasti :

- 2 jajaran Komuter
- 8 jajaran MRT dan LRT
  - 2 jajaran baru
  - 6 jajaran sedia ada untuk dipanjang atau diperluaskan
- 2 jajaran BRT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**  
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : YAYASAN SELANGOR**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan pendapatan Yayasan Selangor untuk tempoh 5 tahun sejak 2014 sehingga kini.
- b) Apakah punca permasalahan tersebut, dan apakah cadangan pihak pengurusan Yayasan untuk meningkatkan pendapatan Yayasan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pendapatan Yayasan Selangor(YS) untuk tempoh 5 tahun (2014-2018)

<b>TAHUN</b>	<b>2014 (RM'juta)</b>	<b>2015 (RM'juta)</b>	<b>2016 (RM'juta)</b>	<b>2017 (RM'juta)</b>	<b>2018 (RM'juta)</b>
<b>PENDAPATAN</b>	18.84	23.80	16.14	29.83	24.89

- b) Pendapatan utama Yayasan Selangor (YS) adalah daripada hasil penyewaan bangunan/premis, sewa pajak dan pendapatan usahasama-perladangan. Pada tahun 2019, YS telah menandatangani beberapa perjanjian pembangunan usahasama. Di samping itu, pengurusan YS sedang mengkaji dan menyediakan perancangan terbaru untuk meningkatkan pendapatan yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor November ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGIYSTIHARAN ASET ADUN**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengikut jejak Parlimen Malaysia dalam mewajibkan pengiystiharan aset untuk semua ADUN Selangor?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA IKS**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah bilangan syarikat IKS yang telah berdaftar dengan Negeri Selangor?
  - Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu syarikat IKS?
  - Berapakah jumlah bantuan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu IKS?

**JAWAPAN:**

- a) Syarikat – syarikat IKS di Negeri Selangor tidak berdaftar dengan Invest Selangor. Namun begitu, berdasarkan rekod oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) sebanyak **13,089 syarikat telah berdaftar dengan SME Corp. Malaysia di Negeri Selangor.**

Manakala dibawah Hijrah Selangor pula, sebanyak **46,352 syarikat IKS yang melibatkan juga perniagaan mikro telah berdaftar dengan Hijrah Selangor.**

- b) Jenis – jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu syarikat IKS seperti berikut;-

iv. **Bantuan Kewangan** - Jenis bantuan yang disediakan dibawah Hijrah Selangor adalah skim pinjaman secara konvensional dan skim pinjaman Zero to Hero seperti berikut;-

- Skim Pinjaman Konvensional
  1. Skim 1: RM1,000 hingga RM5,000
  2. Skim 2: RM6,000 hingga RM10,000
  3. Skim 3: RM15,000 hingga RM20,000

4. Skim 4: RM30,000 hingga RM50,000

- Skim Pinjaman Zero To Hero
  - 1. Pakej RM4000.00
  - 2. Pakej RM5000.00

v. **Dana Usahawan Negeri Selangor**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada Usahawan-usahawan Industri Mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju.

Bantuan yang diberikan seperti; -

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Jumlah bantuan ditawarkan di bawah program ini adalah tidak melebihi RM 30,000 bagi satu permohonan / syarikat (tertakluk kepada kelulusan);
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar Negara.

vi. **Bantuan dalam mengembangkan pasaran produk IKS** - Dalam usaha membantu syarikat IKS di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menyediakan medium atau platform yang boleh membantu usahawan – usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan dan pasaran ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan – usahawan tempatan dalam pameran yang diadakan di dalam dan luar negara seperti program Selangor International Business Summit, Penang International Halal Expo 2019, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2019, The world Food & Beverage Great EXPO / Premium Food Show 2019 Japan, HOFEX Hong Kong 2019, SIAL Jakarta 2019 dan lain – lain dimana sebahagian kos penyertaan ditanggung oleh Kerajaan

Negeri melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan dan IKS Negeri Selangor.

Disamping penyertaan dalam pameran yang diadakan, pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga turut membantu pihak syarikat untuk mengadakan pertemuan “*Business Matching*” bersama “*Potential Buyers*” sewaktu penyertaan di dalam program – program pameran di peringkat antarabangsa.

- vii. **Bantuan Pemasaran Produk Secara Atas Talian (Online)** – melalui program ini, Kerajaan Negeri melalui SITEC menyediakan latihan kemahiran kepada usahawan – usahawan IKS yang berminat untuk memasarkan produk keluaran mereka secara atas talian (online).
  - viii. **Penyelesaian Isu / Masalah** - Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor juga membantu pihak syarikat bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi seperti persijilan halal, dan lain – lain kelulusan pembangunan yang dihadapi agar syarikat dapat beroperasi dengan sempurna.
- c) Bantuan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu IKS melalui Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan dan IKS Negeri Selangor adalah sebanyak RM 414,744 dimana pihak Kerajaan Negeri menangung sebahagian kos penyertaan pengusaha IKS dalam pameran yang diadakan di dalam dan luar negara seperti MIHAS 2019, The world Food & Beverage Great EXPO / Premium Food Show 2019 Japan, HOFEX 2019, Hong Kong, SIAL Jakarta 2019.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM sebanyak RM 1.8 juta setahun melalui SITEC bagi menyediakan latihan dan kemahiran dalam perniagaan secara atas talian (online).

(Sumber : SITEC)

Dibawah Hijrah Selangor pula, sebanyak RM 459,287,500.00 telah dibelanjakan sejak tahun 2014 sehingga kini untuk program – program dibawah Hijrah Selangor.

(Sumber : Hijrah)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI**  
**(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PROJEK AGROTEK TERNAKAN**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan hasil projek penternakan dari projek agrotek penternakan yang menggunakan baka yang baik?
- Berapa peserta yang telah berjaya dan senaraikan keuntungan peserta dan kos program?

**JAWAPAN:**

a) Projek agrotek penternakan di negeri ini dilaksanakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Penternakan (TKPM) Penternakan yang diselia oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) dan TKPM Pertanian yang mempunyai komponen penternakan yang diselia pula oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Secara keseluruhannya, terdapat 6 TKPM Penternakan dan 4 TKPM Pertanian yang mempunyai komponen penternakan di seluruh Negeri Selangor dengan 56 peserta yang menternak Lembu Pedaging, Lembu Tenusu, Kambing Pedaging, Kambing Tenusu, Ayam Pedaging dan menanam rumput atau foder. Secara khusus pula, terdapat 1 TKPM Penternakan di DUN Semenyih iaitu TKPM Hulu Semenyih dengan 3 peserta yang menternak lembu tenusu iaitu:

- |                                  |                        |
|----------------------------------|------------------------|
| i. Jaspal Singh a/l Sadara Singh | - 55 ekor lembu tenusu |
| ii. Mohd. Naim Hamayon           | - 50 ekor lembu tenusu |
| iii. Sugenthiran a/l Rajan       | - 70 ekor lembu tenusu |

Bagi menjawab pertanyaan ini, DVS Selangor telah menyenarai pendek beberapa projek di TKPM Penternakan yang dikenalpasti menggunakan baka yang baik iaitu:

- projek lembu tenusu yang menggunakan baka kacukan Jersey Freisian dan kacukan Freisian Sahiwal, dan
- projek kambing tenusu yang menggunakan baka tulin Saanen.

Hasil daripada projek TKPM Penternakan yang menggunakan baka yang baik adalah:

- i. pengeluaran susu yang tinggi bagi penternakan tenusu,
- ii. kadar kelahiran tahunan yang tinggi

Namun, pencapaian yang baik ini juga tertakluk kepada faktor-faktor lain seperti kaedah penjagaan, tahap kesihatan dan pemakanan ternakan.

- b) Daripada 56 peserta yang menyewa 6 TKPM Penternakan dan 4 TKPM Pertanian di seluruh Negeri Selangor, 14 peserta dikenalpasti sebagai menggunakan baka yang baik dan 8 peserta daripadanya pula telah berjaya mencapai prestasi baik. Senarai anggaran hasil tahunan mereka bagi sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PESERTA	JENIS PROJEK	NAMA TKPM	ANGGARAN HASIL TAHUN 2018* (RM)
1.	Magendran A/L Rajadurai	Lembu Tenusu	Sungai Nilam	244,512
2.	Mejar (B) Kiruba A/L Kanagamany	Lembu Tenusu	Sungai Tamu	230,458
3.	Ramanatahan A/L Thangamuthu	Lembu Tenusu	Sungai Tamu	151,766
4.	Jaspal Singh A/L Sadara Singh	Lembu Tenusu	Hulu Semenyih	154,579
5.	Mohd. Naim Hamayon	Lembu Tenusu	Hulu Semenyih	140,525
6.	Sugethiran A/L Rajan	Lembu Tenusu	Hulu Semenyih	193,853
7.	Saravanan A/L Krishnan	Lembu Tenusu	Jenderam Hulu	177,062
8.	Safril bin Ming	Kambing Tenusu	Bukit Changgang	112,320
JUMLAH				1,405,075
PURATA				175,634

Kos keseluruhan bagi membangun dan menyelenggara tujuh (7) TKPM Penternakan dan tiga (3) Taman Agrotek seliaan Jabatan Pertanian (yang mempunyai komponen ternakan) di seluruh Negeri Selangor dari 2016 hingga 2019 adalah:

2016	2017	2018	2019	JUMLAH
RM 530,000	RM 520,000	RM 200,000	RM 100,000	RM 1,350,000

Kerajaan Negeri tidak boleh mengasingkan kos untuk penternakan yang menggunakan baka yang baik semata-mata kerana perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan berkenaan juga turut melibatkan penternak-penternak lain di TKPM Penternakan yang sama tapi dikategorikan sebagai menggunakan baka biasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KACAU GANGGU DI KAWASAN AWAM**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi kacau ganggu yang dilakukan minum arak di tempat awam? Terutamanya di kawasan lapang.
  - Adalah kerajaan mempertimbangkan untuk larangan minum arak di tempat awam tengah malam?

**JAWAPAN:**

- Dalam usaha untuk mengatasi kacau ganggu di tempat awam berlaku, Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah dengan menjalankan rondaan pemantauan di lokasi-lokasi tempat awam dan jika terdapat berlaku kacau ganggu akibat mabuk, anggota akan melaporkan kepada pihak PDRM untuk tindakan. Selain itu, pihak kerajaan Negeri juga telah menetapkan satu garis panduan penjualan minuman keras yang diguna pakai di setiap PBT seperti mensyaratkan peniaga meletakkan papan tanda larangan menjual minuman terhadap pembeli di bawah umur 18 tahun dan menetapkan jarak operasi premis perniagaan minuman keras dari rumah ibadat seperti masjid, tokong, kuil pejabat kerajaan, sekolah, hospital serta kawasan perumahan.
- Kerajaan tidak pernah mewujudkan peraturan atau larangan untuk meminum arak di tempat awam seperti yang diwujudkan bagi larangan merokok. Jadi ia agak sukar dilaksanakan kecuali ada peruntukan undang-undang yang khusus mengenainya di peringkat persekutuan atau negeri. Walau bagaimanapun, PBT mensyaratkan waktu operasi penjualan minuman keras mengikut waktu yang dibenarkan iaitu sehingga 09:00 malam dan mensyaratkan peniaga untuk memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di depan premis dan di tempat terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : SUKAN AIR "WATER RAFTING"**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang meningkatkan daya tarikan pelancongan di Hulu Selangor dengan perlepasan air Empangan Sg Selangor yang berjadual bagi memudahkan aktiviti sukan air "water rafting" dijalankan? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan memberi perhatian kepada tarikan produk pelancongan *White Water Rafting* di Kuala Kubu Bharu (KKB) yang amat popular di kalangan penggemar sukan lasak dan 'adrenalin junkie' terutama dari luar negara.

Kelebihan aktiviti *white water rafting* di KKB ini adalah dari segi tahap kesukaran atau *difficulty level* di mana ia adalah satu-satunya di Malaysia yang boleh mencapai Gred 4 berbanding Sungai Slim di Perak yang hanya boleh mencapai tahap kesukaran di tahap Gred 3.

Namun demikian, Kerajaan Negeri mengambil maklum di atas kesukaran aktiviti ini dapat dijalankan kerana terpaksa bergantung kepada pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor bagi mencapai tahap kesukaran yang dikehendaki.

Sebelum ini, pihak UPEN dan Majlis Daerah Hulu Selangor pernah mengadakan perbincangan dengan pihak LUAS – Lembaga Urus Air dan SPLASH – Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor bagi mendapatkan pandangan dan sokongan agar pengeluaran air empangan dapat dilaksanakan secara berjadual. Pelepasan berjadual diyakini boleh membantu operator aktiviti *white water rafting* dan Tourism Selangor untuk merancang dan mempromosikan aktiviti ini secara aktif.

Walau bagaimanapun, pihak LUAS tidak dapat mempertimbangkan cadangan pelepasan secara berjadual memandangkan Empangan Sungai Selangor merupakan empangan utama dan paling besar di Negeri Selangor dengan kapasiti 230 juta meter padu dan bertindak sebagai *regulating reservoir* bagi tujuan bekalan air di muka sauk bekalan air.

Sehubungan dengan itu, LUAS tidak dapat mempertimbangkan cadangan pelepasan air empangan secara berjadual bagi tujuan rekreasi *white water rafting* berikutan pelepasan air empangan adalah tertakluk kepada keperluan pembekalan air mentah bagi muka sauk Loji Pembersihan Air (LPA) di bahagian hilir.

Pelepasan air empangan ini juga adalah berdasarkan lengkuk operasi empangan/dam *operating rule curve* yang telah ditetapkan tertakluk kepada paras air empangan dengan mengambil kira abstraksi di muka sauk dan juga memastikan baki aliran air di Baraj Sungai Selangor adalah berada pada kadar minimum iaitu sekurang-kurangnya 300 juta liter/hari (JLH) supaya tidak mengganggu sistem hidupan akuatik di hilir sungai tersebut terutamanya hidupan kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor.

Oleh yang demikian, operator aktiviti *white water rafting* ini adalah disyorkan untuk menjalankan aktiviti secara berjadual apabila paras air Sungai Selangor bersesuaian dan dapat dilaksanakan dengan efektif. Mereka juga boleh merujuk kepada paras air semasa Sungai Selangor di web atau aplikasi LUAS terlebih dahulu sebelum aktiviti dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN**  
**(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MASALAH JEREBU**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bila jerebu melanda negara terutama di Negeri Selangor

**JAWAPAN:**

- a) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri apabila jerebu melanda negara terutama di Negeri Selangor, adalah seperti berikut:
- i. Mengaktifkan Perintah Larangan Pembakaran Terbuka yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar;
  - ii. Mengaktifkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan yang menggariskan tindakan-tindakan oleh setiap agensi terlibat berdasarkan Indeks Pencemar Udara (IPU);
  - iii. Jabatan Alam Sekitar mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan;
  - iv. Mewar-warkan melalui media mengenai status IPU serta menasihatkan orang awam supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan mengambil langkah pencegahan ketika musim jerebu;
  - v. Unit Pengurusan Bencana Negeri menyelaras tindakan melibatkan agensi-agensi berkaitan terutama melibatkan kebakaran berskala besar;
  - vi. Jabatan Pendidikan Negeri mengambil tindakan menutup sekolah-sekolah apabila IPU melebihi 200 selaras dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan; dan
  - vii. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah;